

DAYA TAHAN BELIA: PENGARUH HUBUNGAN PERAPATAN DALAM INSTITUSI KEKELUARGAAN

(Youth Resiliency: Attachment Factor in Familial Institution)

Siti Hajar Kamaruddin, Jamiah Manap, Haslinda Abdullah & Turiman Suandi

ABSTRAK

Kehadiran elemen pelindung dalam proses perkembangan diri belia menyumbang kepada pembangunan belia yang positif. Salah satu elemen pelindung yang menyumbang kepada pembinaan daya tahan belia dan sering dibincangkan dalam kebanyakan kajian lepas ialah hubungan perapatan dalam institusi kekeluargaan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam elemen pelindung luaran iaitu hubungan perapatan dalam insitusi kekeluargaan yang menyumbang kepada pembinaan daya tahan belia dalam kalangan usahawan lepasan Institut Kemahiran Baitulmal (IKB), Kuala Lumpur. Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif generik berpandukan kajian fenomenologi dengan menggunakan kaedah pengumpulan data temu bual secara mendalam (*in-depth*) dan separa berstruktur (*semi structured*), kaedah pemerhatian dan analisis dokumen. Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan kepada kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dan mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Dapatan kajian mendapati bahawa hubungan perapatan dalam institusi kekeluargaan yang melibatkan aspek sokongan daripada ibu bapa, adik-beradik, keluarga besar (*extended family*) dan pasangan menyumbang kepada pembinaan daya tahan para informan. Pembinaan daya tahan ini membolehkan para informan berupaya membangun dengan positif dan mengubah status sosioekonomi melalui perniagaan dalam bidang kemahiran. Diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi cetusan idea dan inspirasi kepada semua pihak dalam membentuk golongan belia yang berdaya tahan bagi menjamin kesejahteraan negara pada masa hadapan.

Kata Kunci: Pembangunan belia, Elemen pelindung, Daya tahan, Hubungan perapatan, Institusi kekeluargaan.

ABSTRACT

The presence of protective factors in the development process of youth contributes to positive youth development. Past researches conducted underscores youth resistance development which stems from attachment to familial institutions. Hence, this research strives to understand in greater detail external protective factors, i.e. attachment relationship in familial institutions which contributes to the development of resiliency amongst entrepreneur graduates from Institute Kemahiran Baitulmal (IKB), Kuala Lumpur. This research is a generic qualitative

research which is based on phenomenological research utilizing semi-structured questions in-depth interviews, observation and document analysis. Samples were chosen using purposive sampling based on a set of criteria. Research findings show that attachment relationship in a familial institution involves encouragement obtained from parents, siblings, extended families and spouses who contributed to the development of participants' resiliency. Resiliency development enables participant to develop positively and change their socioeconomic status in a skill-based business. It is hoped that the findings of this research would inspire others in developing resilient youth who could maintain the prosperity of our country's future.

Keywords: Youth development, Protective factors, Resiliency, Attachment, Familial institution.

PENDAHULUAN

Daya tahan atau resiliensi adalah berasal daripada perkataan Latin *resiliens* yang merujuk kepada keadaan yang mudah dilentur dan elastik (Greene 2002). Kajian berkaitan daya tahan atau resiliensi mula dilakukan oleh para penyelidik berikutan wujudnya keadaan di mana terdapat individu yang membangun dengan positif dan tidak terlibat dengan tingkah laku negatif walaupun berhadapan dengan keadaan berisiko. Sejarah awal kajian daya tahan adalah melibatkan kajian longitudinal ke atas kanak-kanak yang dilahirkan dalam kemiskinan (Johnson & Wiechelt 2004). Kajian ini telah mengikuti perkembangan hidup seramai 505 orang informan kajian yang dilahirkan pada tahun 1955 di Kauai bermula pada hari dilahirkan, peringkat bayi, peringkat awal dan pertengahan kanak-kanak, akhir remaja dan dewasa. Hasil kajian menunjukkan bahawa dua per tiga daripada kanak-kanak yang dilahirkan dalam kemiskinan ini membangun menjadi golongan belia dewasa yang bermasalah, namun, satu per tiga daripada informan kajian didapati telah membangun sebagai belia dewasa yang kompeten dan penyayang.

Apabila konsep daya tahan belia diperkenalkan pada tahun 1970-an, ia dikonseptualisasikan sebagai ciri-ciri dalaman yang stabil dan merujuk kepada kapasiti untuk bangkit kembali dalam menghadapi sesuatu risiko (Benson 2002). Kebanyakan pengkaji pada hari ini mendefinisikan daya tahan sebagai suatu proses dinamik melibatkan transaksi yang berlaku di antara belia ketika berada di peringkat kanak-kanak dengan persekitarannya dan ia bukan disebabkan oleh ciri-ciri dalaman belia semata-mata (Luthar & Zelazo 2007). Menurut Theron et al. (2011), daya tahan merupakan satu kapasiti individu untuk menghadapi sesuatu perubahan dan situasi berisiko dengan cara yang sihat dan mengikut keadaan (Catalano et al. 2004). Ia juga diklasifikasikan sebagai 'membangun dengan baik' walaupun membesar dalam keadaan yang berisiko. Daya tahan turut merujuk kepada hasil daripada interaksi belia dengan persekitaran dan proses yang sama ada mempengaruhi kesejahteraan hidupnya atau melindunginya daripada kesan negatif faktor-faktor risiko (Zautra et al. 2010 dalam *Annals of Innovation & Entrepreneurship* 2011).

Di Malaysia, kajian menunjukkan bahawa kemiskinan dan taraf sosioekonomi keluarga yang rendah (Hamidah et al 2006 dalam Zainudin & Norazmah 2011; Zaidatol Akmaliah 2008) mampu meninggalkan kesan negatif ke atas pembangunan diri belia. Golongan belia juga dilihat lebih mudah atau cenderung untuk terlibat dengan tingkah laku berisiko (Anakwenze & Zuberi 2013; Johnson & Wiechelt 2004) apabila wujud faktor-faktor negatif disekeliling mereka

(Shader 2012). Misalnya seperti keruntuhan institusi kekeluargaan (Yoo, Pamela, & Luthar 2009), tinggal di kawasan kejiranan yang berisiko (Zimmerman & Messner 2013) dan pengabaian kanak-kanak (Guggenheim 2007 dalam Duva & Metzger 2013) yang sering berlaku akibat daripada kemiskinan. Justeru, usaha-usaha dalam melahirkan golongan belia yang berdaya tahan perlu dipertingkatkan agar mereka tidak mudah terpengaruh dengan sesuatu keadaan yang berisiko.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk memahami dengan lebih mendalam elemen pelindung luaran iaitu hubungan perapatan dalam institusi kekeluargaan yang menyumbang kepada pembinaan daya tahan belia. Kajian ini memfokuskan kepada hubungan perapatan antara informan dan ahli keluarga yang menyumbang kepada pembinaan daya tahan belia sehingga berupaya membangun dengan positif walaupun berhadapan dengan kemiskinan.

SOROTAN LITERATUR

Elemen Pelindung

Kajian yang dijalankan oleh Sagone dan De Caroli (2013) menunjukkan bahawa kehadiran elemen pelindung dan aset belia dalam jumlah yang lebih banyak akan mengurangkan kadar tingkah laku berisiko seperti pengambilan alkohol, dadah, dan kegagalan dalam pendidikan. Elemen pelindung merujuk kepada karakteristik individu atau persekitaran sosial yang melindungi belia daripada terpengaruh dengan keadaan berisiko melalui adaptasi positif atau mengurangkan hasil negatif akibat daripada risiko yang dihadapi (Gerard & Buehler 2004). Keluarga dan sekolah juga dilihat mampu melindungi belia remaja daripada terpengaruh dengan rakan-rakan yang bermasalah (Crossnoe, Erickson, & Dornbusch 2002).

Kajian-kajian lepas pada mulanya hanya memfokuskan kepada elemen pelindung dalaman seperti autonomi dan tahap keyakinan diri yang tinggi (Masten & Garmezy 1985). Namun kini, kajian mengenai individu berdaya tahan turut melihat kepada elemen pelindung luaran (Luthar, Cicchetti, & Becker 2000). Di samping itu, pembinaan daya tahan didapati tidak dipengaruhi oleh faktor pelindung yang sama dalam situasi sukar yang berbeza (Luthar, Cicchetti, & Becker 2000). Sebagai contoh, ibu bapa mungkin menjadi salah satu faktor pelindung luaran dalam mempengaruhi daya tahan anak-anak, tetapi, ibu bapa yang mengalami perceraian berkemungkinan besar tidak mampu memainkan peranan penting tersebut kepada anak-anak.

Hubungan Perapatan

Menurut Crossnoe, Erickson, dan Dornbusch (2002), belia yang mempunyai hubungan yang positif dengan ibu bapa dan mempunyai isi rumah yang tersusun dapat menghalang mereka daripada terpengaruh dengan rakan-rakan yang berisiko. Nilai dan orientasi budaya yang dipegang oleh ibu bapa juga didapati berpotensi sebagai elemen pelindung atau meninggalkan kesan yang positif dalam pembentukan psikososial belia (Delgado, Updegraff, Roosa, dan Umana-Taylor 2011). Kajian yang dijalankan oleh Sapouna dan Wolke (2013) menunjukkan bahawa hubungan perapatan di antara belia dengan ibu bapa dan adik-beradik memainkan

peranan yang penting dalam proses pembangunan emosi dan tingkah laku yang positif. Keutuhan sesebuah keluarga turut didapati sangat berpengaruh dalam membentuk perkembangan mental, sosial, dan psikologi belia (McMahon, Kenyon, & Carter 2013; Ward 2007 dalam Amir Safigah 2008).

Dalam kajian ini, pengkaji telah merujuk kepada teori hubungan perapatan (Ainsworth & Bowlby 1991) bagi memahami dengan lebih mendalam hubungan perapatan dalam institusi kekeluargaan yang menyumbang kepada pembinaan daya tahan belia. Konsep asal teori ini merujuk kepada keberkesanan pertalian antara bayi dan penjaga terutamanya ibu. Pertalian ini dilihat sebagai penting dalam menyediakan asas perlindungan atau rasa selamat kepada bayi daripada persekitaran dan perhubungan dengan orang lain sepanjang proses tumbesannya. Pertalian dan perapatan awal ini didapati memberi kesan kepada hubungan interpersonal bayi apabila membesar kelak (Bowlby 1969). Teori hubungan ini telah dilanjutkan ke peringkat remaja seperti mana pada peringkat bayi dan kanak-kanak yang telah menerangkan tentang kepentingan seorang anak menjaga hubungan dengan ibu bapa yang mampu mempengaruhi hubungannya dengan individu disekelilingnya.

Hubungan perapatan merujuk kepada kualiti dalam sesuatu perhubungan dengan individu lain yang signifikan sama ada dengan ibu bapa atau rakan sebaya (Ainsworth 1989 dalam Nelis & Rae 2009). Menurut Flaherty dan Sadler (2010), hubungan perapatan yang positif antara ibu dan anak boleh meningkatkan perkembangan dan kebolehpayaan belia dalam mengenali dunia luar daripada sudut emosi yang sihat. Perapatan yang selamat dan kukuh juga memberi kesan positif ke atas kognitif, emosi, dan tingkah laku untuk jangka masa panjang (Flaherty & Sadler 2010). Bagi belia yang mengalami tahap pengabaian dan kebimbangan yang tinggi, ia akan membentuk hubungan perapatan yang tidak selamat berbanding belia yang kurang pengabaian dan kebimbangan (Karantzas, Feeney, & Wilkinson 2010).

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif generik berpandukan kajian fenomenologi. Salah satu sebab kajian kualitatif dipilih adalah kerana kajian ini bukan bertujuan untuk mengeneralisasikan dapatan kajian kepada skop yang lebih luas, tetapi ia lebih kepada memahami dengan lebih mendalam situasi yang dikaji daripada perspektif dan pengalaman informan kajian (Merriam 2009). Menurut Merriam (2002) kajian kualitatif generik sering digunakan dalam pelbagai disiplin seperti pendidikan, sosiologi, dan psikologi perkembangan. Ia juga bertujuan untuk memahami bagaimana manusia memberi makna terhadap kehidupan dan pengalaman yang pernah dilalui.

Menurut Ungar (2003), kajian kualitatif dilihat relevan dalam kajian mengenai daya tahan ini melalui lima keadaan iaitu (1) penemuan proses perlindungan yang belum lagi diketahui yang boleh diperolehi melalui pengalaman mereka yang mengambil bahagian dalam kajian ini; (2) seterusnya memberi gambaran yang terang dan spesifik mengenai fenomena yang dikaji; (3) mengeluarkan dan memberi kuasa kepada suara minoriti dari mereka yang mempunyai

pembangunan tempatan yang luar biasa dengan menghindari generalisasi; (4) pengkaji mempunyai keupayaan untuk memindahkan keputusan dengan pantas; dan (5) pengkaji juga mestilah boleh mempertahankan pandangan yang dianggap berat sebelah iaitu bias pengkaji mengenai kajian yang ingin dijalankan.

Persampelan

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dalam proses pemilihan sampel. Dalam kaedah persampelan bertujuan, terdapat beberapa strategi dalam menentukan jenis persampelan bertujuan (Bailey 2007) dan dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan strategi *criterion* iaitu memilih sampel yang menepati kriteria yang telah ditetapkan berdasarkan tujuan kajian dijalankan (Patton 2002). Berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan, sampel kajian ini adalah terdiri daripada bekas pelatih Institut Kemahiran Baitulmal yang dikategorikan sebagai usahawan berjaya oleh pihak IKB. Menurut pengetua IKB (Encik Affandey Yaakub, temu bual dalam talian telefon, 11 Januari 2012), bekas pelatih IKB yang dikategorikan sebagai usahawan lepasan IKB berjaya adalah pelatih yang sebelum memasuki IKB (1) mempunyai tahap akademik yang rendah; (2) berasal daripada keluarga miskin dan beragama Islam; dan (3) selepas menamatkan pengajian di IKB, mereka kini berupaya memperoleh pendapatan tetap melebihi tahap paras garis kemiskinan (PGK) melalui perniagaan dalam bidang kemahiran.

Di samping kriteria-kriteria tersebut, bagi memastikan agar tujuan utama kajian iaitu untuk memahami hubungan perapatan dalam institusi kekeluargaan yang menyumbang kepada pembinaan daya tahan belia tercapai, kriteria-kriteria informan kajian yang ditetapkan oleh pengkaji adalah (4) berumur di antara 21 hingga 40 tahun (definisi belia Malaysia); dan (5) berada di kawasan Lembah Klang. Seramai lima orang informan (sila lihat Jadual 3.1) telah terlibat di dalam kajian ini selepas data yang diperolehi telah mencapai tahap ketepuan data (*data saturation*).

Pengumpulan dan Analisis Data

Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah melalui kaedah temu bual secara mendaam dan separa berstruktur, kaedah pemerhatian dan analisis dokumen. Manakala proses menganalisis dan menginterpretasi data adalah secara manual mengikut analisis tematik (*thematic analysis*).

Jadual 1: Profil Demografi Informan

Informan	Pekerjaan Ibu Bapa/Penjaga	Tahun Memasuki IKB/Kursus Kemahiran	Jenis Perniagaan	Jumlah Pendapatan Bulanan
Informan 1	Pengawal keselamatan	1995/Pembuatan Pakaian Lelaki	Menjahit pelbagai jenis pakaian dan perancang majlis perkahwinan	RM5,000.00
Informan 2	Pekerja kilang	1996/Seni Lukis	Pembekal kek dan roti	RM30,000.00

Informan 3	Berniaga kuih	1992/Pembuatan Pakaian Wanita	Menjahit pakaian wanita dan mengusaha makanan sejuk beku	RM3,000.00
Informan 4	Pesawah	1998/Pembuatan Pakaian Lelaki	Menjahit pakaian lelaki dan uniform rasmi	RM5,000.00
Informan 5	Pesara askar	2005/Seni Lukis	Rekaan grafik dan pengiklanan	RM4,000.00

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan hubungan perapatan dalam institusi kekeluargaan adalah melibatkan aspek sokongan daripada ibu bapa atau penjaga, adik-beradik, keluarga besar dan pasangan. Sokongan yang diperolehi dalam hubungan perapatan di antara informan dan institusi kekeluargaan telah menyumbang kepada pembinaan daya tahan para informan sehingga berjaya mengubah status sosioekonomi mereka. Informan yang merasakan diri mereka mempunyai hubungan yang selamat (*securely attached*) menunjukkan kualiti perhubungan yang tinggi dan mempunyai tahap kebimbangan dan kemurungan yang rendah (Muris, Meester, Melick, & Zwambag 2001). Dapatan ini juga konsisten dengan kajian yang dijalankan oleh Bradford dan Lyddon (1993) dalam Nelis dan Rae (2009) yang menunjukkan bahawa hubungan perapatan di antara ibu bapa dan anak yang kukuh memberi kesan kepada tahap penghargaan sendiri yang tinggi, tahap kepuasan hidup yang tinggi, dan rendah tahap tekanan psikologikal. Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas ini, ia dilihat konsisten dengan dapatan kajian dimana para informan yang mempunyai hubungan perapatan dengan sekurang-kurangnya seorang ahli keluarga dilihat menjadikan mereka lebih berdaya tahan dalam menghadapi rintangan akibat daripada kemiskinan.

Sokongan Ibu bapa dan Penjaga

Ibu dan bapa Informan 2 telah berpisah sejak informan berusia lapan tahun. Sejak daripada perceraian tersebut, informan dan dua lagi adik-beradiknya telah dibesarkan oleh ibu dengan hasil pendapatan sebagai pekerja kilang di kawasan berhampiran. Walaupun ibu bapanya berpisah ketika informan masih kecil, namun, hubungan baik yang dibina oleh ibu terhadap informan dan adik-adiknya telah membuatkan informan tidak sedikit pun merasa tertekan akibat daripada perceraian dan kesusahan hidup ketika itu. Menurut Aroian, Templin, Hough, Ramaswamy dan Kata (2010), seseorang belia itu tidak akan terkesan dengan tekanan yang dialami oleh ibu selagi mana hubungan ibu dan anak adalah baik (Aroian et al. 2010). Menurut Informan 2, walaupun ibunya terpaksa bekerja dan tidak dapat meluangkan banyak masa bersama mereka, ibunya tetap cuba memperuntukkan masa bersama keluarga apabila pulang daripada bekerja. Keprihatinan ibu amat membantu informan dari segi keperluan emosi.

“Mak pun banyak bagi sokongan tapi dia tengok juga apa yang kita buat. Kalau kita buat tu nampak macam tak betul dia akan beritahu... Mak, dia macam selalu bertanya. Mak kadang-kadang kerja. Bila dia balik dia tanyalah.”

(Informan 2, Usahawan Lepas IKB 1996/1997)

Hubungan yang erat diantara anak lelaki dengan ibu dilihat memainkan peranan yang penting dalam membina identiti belia pada peringkat remaja (Matos, Barbosa, Almeida, & Costa 1999). Pengkaji mendapati bagi situasi Informan 2 yang dibesarkan oleh ibu selepas berpisah dengan bapanya menjadikan informan mempunyai hubungan yang rapat dengan ibunya. Selain daripada segi keperluan emosi, Informan 2 memberitahu bahawa ibunya turut memberi sokongan dari sudut kewangan di awal perniagaannya.

“Duit simpanan dan mak *support* sikit.”

(Informan 2, Usahawan Lepas IKB 1996/1997)

Informan 3 memberitahu pengkaji bahawa ibunya tetap menghantar informan dan adik-beradik ke sekolah walaupun terpaksa bersusah-payah mencari duit demi melihat anak-anaknya menjadi individu yang lebih baik pada masa hadapan. Sokongan dari sudut pendidikan ini memberi semangat kepada informan untuk meneruskan pembelajaran di sekolah.

“Jadi, dia kata, “sekarang ni aku suruh kau belajar, aku cari duit nak cari duit macam apa-apa pun tak apa. Janji kau belajar...kalau kau tak nak belajar, kau gali lubang, kau masuk, aku timbus”. Itu lah penyelesaian dia”.

(Informan 3, Usahawan Lepas IKB 1992/1993)

Hubungan perapatan yang erat antara Informan 5 dan ibu bapa telah dipupuk semenjak kecil oleh ibu bapa melalui rutin harian yang dilalui. Hubungan baik ini membolehkan informan mampu untuk berkongsi dan berkomunikasi mengenai setiap masalah yang dihadapi.

“Saya dengan mak ayah pun rapat. Kita orang boleh bergurau, tak ada masalah lah nak bercerita. Masalah ibu bapa, peribadi ke dalaman ke luaran ke...semua boleh cerita. Tak ada masalah, sebab kita orang memang diajar setiap pagi bangun...okay, mesyuarat duduk ramai-ramai. Kalau ada apa-apa masalah, nak pergi mana nak makan apa hari ni, kita ada duit banyak ni saja, kita nak buat apa? saya dah di didik dengan cara macam tu”.

(Informan 5, Usahawan Lepas IKB 2005/2006)

Sokongan daripada Adik-beradik

Berdasarkan temu bual dengan Informan 1 dan pemerhatian, pengkaji dapat melihat keakraban di antara adik-beradik informan (butik informan hanya berhadapan dengan kediaman asal keluarganya yang kini didiami oleh beberapa orang adik-beradiknya) walaupun ibu dan ayahnya

sudah meninggal dunia dan ini turut diakui oleh informan sendiri. Informan menyatakan bahawa adik-beradik amat menyokong kerjayanya dan banyak membantu di saat informan memerlukan pertolongan.

“Pada saya Alhamdulillah lah... kakak saya banyak membantu. Adik-beradik saya banyak membantu. Saya syukur alhamdulillah. Banyak membantu dari segi orang cakap...tak kisahlah, macam kakak saya jaga kedai. Kalau macam saya *takde*, kakak saya jaga kedai. Alhamdulillah lah...orang cakap, adik-beradik saya *support* sampai besar”.

(Informan 1, Usahawan Lepas IKB 1995/1996)

Bagi Informan 2, waktu berkumpul bersama ibu dan adik-beradik ketika ibu tidak bekerja adalah saat untuk saling bertukar cerita. Hari berkumpul seperti ini merupakan satu cara yang dilakukan bagi mengeratkan lagi hubungan mereka sekeluarga.

“Rapat. Ada masalah rasanya masa hari berkumpul. Kadang-kadang kalau misal kata mak cuti, kita berkumpul. Cerita masa berkumpul”.

(Informan 2, Usahawan Lepas IKB 1996/1997)

Sokongan yang diberikan oleh ahli keluarga dari segi sokongan emosi dan komunikasi positif dilihat berupaya memberi kekuatan kepada Informan 5 untuk berdaya tahan dalam apa jua yang ingin dilakukan. Bagi Informan 5, adik-beradiknya tidak pernah menghalang antara satu sama lain untuk mencapai cita-cita masing-masing. Sebagai contoh, keinginan informan untuk memasuki pusat tahfiz selepas menamatkan persekolahan tahun enam (walaupun mendapat keputusan yang cemerlang dalam UPSR dan mendapat tawaran sekolah berasrama penuh) tidak dihalang bahkan disokong oleh ahli keluarganya. Informan 5 memberitahu:

“Kita orang tak pernah ada sekat...“Jangan lah kau buat macam ni, tak payah lah”... Haa...nak buat apa, buat. Macam tu lah. Sebab masa tu mungkin beza umur kita orang tak banyak. Macam bawah saya beza setahun. Atas saya beza 2 tahun, atas lagi beza lagi 2 tahun. Macam tu, jadi kita orang pun macam buat saja lah apa yang kita orang nak buat. Tak ada lah macam, “Eh, nanti kau nak kerja apa?”, ke tak ada lah”.

(Informan 5, Usahawan Lepas IKB 2005/2006)

Sokongan daripada Keluarga Besar

Selain daripada keluarga induk, keluarga besar (*extended family*) turut menyumbang kepada pembinaan daya tahan diri para informan. Informan 3 telah tinggal bersama dengan bapa saudaranya yang dipanggil Pak Ngah selepas ibunya meninggal dunia semasa informan masih menuntut di IKB. Menurut informan, bapa saudaranya banyak membantu beliau untuk meneruskan pembelajarannya di IKB dan memberi sokongan dari segi emosi agar informan tidak berasa risau mengenai pembelajarannya.

“Masa duduk kat rumah dia tu, dia cakap, “Sekarang ni kau jangan fikir apa, teruskan belajar, makan apa semua Pak Ngah ada”. Dia cakap macam tu je. Jadi kita tak ada risau apa lah”.

(Informan 3, Usahawan Lepasn IKB 1992/1993)

Perapatan dalam perhubungan juga tidak hanya terhad kepada ibu dan anak sahaja, malah, anak boleh membina perapatan yang positif dengan penjaga yang konsisten dalam menjaganya termasuklah bapa dan kebiasaannya nenek sebelah ibu (Cassidy 2008 dalam Flaherty & Sadler 2010). Hal ini dapat dilihat melalui hubungan perapatan Informan 4 dengan nenek dan ibu saudaranya yang dilihat lebih positif berbanding dengan ibu bapa kandungnya sendiri kerana semenjak kecil lagi informan telah dijaga dan dibesarkan oleh nenek dan ibu saudaranya. Sehingga ke hari ini, informan amat berterima kasih kepada nenek dan ibu saudaranya kerana mereka sanggup bersusah-payah menjaga dan membesarkannya.

“Mak cik bekerja di kedai makan. Masa umur saya Tingkatan 3, saya nak seluar jeans. “Mak, nak seluar jeans”. Saya panggil dia mak. “Tunggulah mak kerja 3 hari dulu eh.” Cuba bayangkan dengan hasil pendapatan setiap bulan tu dengan bekerja-bekerja lah, campur dengan hasil nenek tu, dia bekerja sehari RM25...dia boleh jaga kita. Saya memang terharu lah kalau nak ingat balik kan...“tak apa bagi mak kerja 3 hari dulu, nanti mak belikan.” Itu yang membuatkan saya semakin bersemangat untuk membalas balik”.

(Informan 4, 1997/1998)

Sewaktu ibu keluar bekerja, nenek telah membantu menjaga adik bongsu Informan 2 yang masih kecil ketika itu.

“Kadang-kadang hantar rumah nenek”.

(Informan 2, Usahawan Lepasn IKB 1996/1997)

Begitu juga dengan situasi Informan 3 apabila neneknya turut membantu menjaga adik bongsonya sewaktu ibu informan jatuh sakit dan terpaksa dimasukkan ke hospital. Bantuan yang dihulurkan oleh nenek untuk menjaga adiknya telah memberi peluang kepada informan untuk meneruskan pembelajaran tanpa rasa bimbang mengenai adiknya yang masih bersekolah ketika itu.

“Waktu arwah mak sakit tu, arwah nenek ambil adik balik kampung, sekolah kat kampung. Waktu tu adik sekolah lagi kan. Jadi nenek lah yang bela adik. Akak dengan abang yang nombor dua ni waktu tu tengah belajar menjahit, duduk dengan pak cik lah di Cheras”.

(Informan 3, Usahawan Lepasn IKB 1992/1993)

Sokongan daripada Pasangan

Sokongan moral daripada pasangan didapati menyumbang kepada pembinaan daya tahan Informan 2. Informan mengatakan bahawa isterinya merupakan seorang iseri yang amat memahami kerjayanya yang kadang-kala akan menjangkau hingga ke lewat malam. Isterinya juga yang merupakan bekas pelatih IKB dalam bidang jahitan pakaian wanita turut membantu informan menyiapkan tempahan terutamanya pada hari perayaan.

“Isteri saya pun tak kisah kalau saya balik pukul 11 ke, 12 malam ke, 1 pagi ke...
Dia paham saya kerja macam mana kan...”.

(Informan 1, Usahawan Lepas IKB 1995/1996)

Bertindak sebagai rakan perniagaan, isteri kepada Informan 2 banyak membantu informan dalam mengurus perniagaan mereka terutamanya di bahagian pembuatan kek dan roti. Kerjasama baik dan pembahagian tugas di antara informan dan pasangan membuatkan mereka mudah menguruskan perniagaan tanpa mengalami masalah dari sudut pengurusan perniagaan.

“...maknya pengurusan, marketing semua saya buat. ...macam wife saya bagi dia handle dekat production saya dah tak usik dah”.

(Informan 2, Usahawan Lepas IKB 1996/1997)

KESIMPULAN

Kesimpulannya, sokongan yang diperoleh daripada hubungan perapatan di antara informan dan institusi kekeluargaan didapati berupaya membina daya tahan belia yang dikaji dalam menghadapi keadaan berisiko. Sokongan yang wujud dalam hubungan perapatan antara ahli keluarga ini bukan sahaja melibatkan sokongan dari segi komunikasi, bahkan, sokongan dari segi emosi, moral dan kewangan. Pembinaan hubungan perapatan yang wujud dalam sesebuah institusi kekeluargaan berpotensi membina daya tahan setiap individu dalam institusi tersebut dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan belia yang positif. Oleh itu, setiap pihak perlu memberi perhatian kepada kepentingan hubungan perapatan dalam institusi kekeluargaan agar golongan belia khususnya daripada kelompok kemiskinan lebih berdaya tahan dan membangun dengan positif walaupun berhadapan dengan pelbagai kesukaran.

RUJUKAN

- Ainsworth, M.D.S., (1989). Dlm. Nelis, S.M & Rae, G. (2009). Brief report: Peer attachment in adolescence. *Journal of Adolescence*, 32:443-447. doi:10.1016/j.adolescence.2008.032006.
- Anakwenze, U. & Zuberi, D. (2013). Mental health and poverty in the inner city. *Health & Social Work*, 38(3), 147-157. doi:10.1093/hsw/hlt013.

- Aroian, K.J, Templin, T.N., Hough, E.E., Ramaswamy, V. & Kata, A.J. (2010). A longitudinal family-level model of Arab Muslim adolescent behaviour problems. *Youth Adolescence*. doi:10.1007/s10964.010-9615-5.
- Benson, P.L. (2002). Chapter 6: Adolescent development in social and community context : A program of research. *New Directions For Youth Development*, 95.
- Bradford & Lyddon, (1993). Dlm. Nelis, S.M & Rae, G. (2009). Brief Report : Peer Attachment in Adolescence. *Journal of Adolescence*, 32, 443-447. doi:10.1016/j.adolescence.2008.032006.
- Cassidy (2008). Dlm. Flaherty, S.C., & Sadler , L.S. (2010). A review of attachment theory in the context of adolescent parenting. *Journal of Pediatric Health Care*. doi:10.1016/j.pedhc.2010.02.005
- Catalano, R.F., Berglund, M.L. Ryan, J.A.M. , Lonczak, H.S., & Hawkins, J.D. (2004). Positive youth development in United States: Research findings on evaluations of positive youth development programs. *The ANNALS of the American Academy of Political and Social Science*, 591:98. doi:10.1177/000271603260102.
- Crosnoe, R., Erickson, K.G. & Dornbusch, S.M. (2002). Protective functions of family relationships and school factors on the deviant behaviour of adolescent boys and girls: Reducing the impact of risky friendships. *Youth Society*, 33:515. doi:10.1177/0044118x02033004002.
- Flaherty, S.C., & Sadler , L.S. (2010). A review of attachment theory in the context of adolescent parenting. *Journal of Pediatric Health Care*. doi:10.1016/j.pedhc.2010.02.005
- Gerard, J.M. & Buehler, C. (2004). Cumulative environmental risk and youth mal adjustment: The role of youth attributes. *Child Development*, 75(6):1832-1849.
- Guggenheim (2007). Dlm. Duva, J., & Metzger, S. (2013). Addressing poverty as a major risk factor in child neglect: Promising policy and practice. *American Humane*, 25(1): 63-74.
- Hamidah et al. (2006). Dlm Zainudin, S., & Norazmah, M.R. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1: 115-140. ISSN: 2231-735X.
- Johnson, J.L. & Wiechelt, S.A. (2004). Introduction to the special issue on resilience. *Substance Use & Misuse*, 39(5):657-670. doi:10.1081/JA-120034010.
- Karantzas, G.C, Feeney, J.A & Wilkinson, R. (2010). Is less more? Confirmatory factor analysis of the attachment style questionnaires. *Journal of Social and Personal Relationships*, 27(6):749-780. doi:10.1077/0265407510373756.

- Luthar & Zelazo (2007). Dlm. Vanderbilt-Adriance, E. & Shaw, D.S. (2008). Conceptualizing and re-evaluating resilience across level of risk, time, and domains of competence. *Clinical Children Family Psychology Review*, 11(1-2):30-58.
- Matos, P.M, Barbosa, S, Almeida, H.M.D. & Costa, M.E. (1999). Parental attachment and identity in Portuguese late adolescents. *Journal of Adolescence*, 22:805-818.
- McMahon, T.R., Kenyon, D.B., & Carter, J.S. (2013). “My culture, my family, my school, me”: Identifying strengths and challenges in the lives and communities of American Indian youth. *J Child Fam Stud*, 22: 694-706. doi:10.1007/s10826-012-9623-z.
- Patton (2002). Dlm. Yin, R.K. (2009). Case study research: Design and methods. 4th Ed. *Applied Social Research Method Series*, 5, Penerbit: www.sagepublications.com.
- Sapouna, M., & Wolke, D. (2013). Resilience to bullying victimization: The role of individual, family and peer characteristics. *Child Abuse & Neglect*, 37(11): 997-1006. doi:10.1016/j.chiabu.2013.05.009.
- Shader, M. (2012). Risk factors for delinquency: An overview US Department of Justice. Office of Justice Program. Diperolehi daripada laman web [https://www.ncjrs.gov/pdf files 1 / ojjdp/frd030127.pdf](https://www.ncjrs.gov/pdf/files/1/ojjdp/frd030127.pdf).
- Theron, L., Cameron, C.A., Didkowsky, N., Lau, C., Liebenberg, L., & Ungar, M. (2011). A “Day in the Lives” of four resilient youths: Cultural roots of resilience. *Youth & Society*, 43(3):799-818. doi:10.1177/0044118X11402853.
- Ward (2007). Dlm. Amir Safigah, A.A. (2008). *Hubungan di antara Sistem Kekeluargaan dalam Konsep Kendiri Remaja Bermasalah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Yoo, J.P., Pamela, B.J., & Luthar, S.S. (2009). Children with co-occurring anxiety and externalizing disorders: Family risks and implications for competence. *American Journal of Orthopsychiatry*, 79(4):532-540. doi:10.1037/a0017848.
- Zaidatol Akmaliah, L.P. (2008). Profil Pelajar Berisiko: Siapakah Mereka?. Dlm. L.P. Zaidatol Akmaliah. *Memahami Pelajar Berisiko: Ke Arah Pembangunan Kerjaya Keusahawanan* (pp. 8-36). Penerbit: Universiti Putra Malaysia.
- Zautra et al., (2010). Dlm. *Annals of Innovation and Entrepreneurship*. (2011). 2:7986. doi:10.3402/aei.v2i1.7986.
- Zimmerman, G.M. & Messner, S.F. (2013). Individual, family background and contextual explanations of racial and ethnic disparities in youths’ exposure to violence. *Am J Public Health*, 103:435-442. doi:10.2105/AJPH.2012.300931.

Nama: Siti Hajar Kamaruddin
Institusi: Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: hajar_kama@yahoo.com